

**MEMERTABATKAN GERAKAN KOPERASI ISLAM  
DI PERINGKAT SERANTAU:  
(Satu Gagasan.)**

**Pendahuluan**

Bilangan anggota koperasi di seluruh Malaysia kini mencecah seramai 5.57 juta orang dengan bilangan koperasi berdaftar mencapai angka 4771 buah. ((Hingga 31 Dec 2005) Manakala modal syer terkumpul pula adalah sebanyak RM6.8 bilion dan aset terkumpul dicatatkan berjumlah RM34.8 bilion. Jumlah koperasi yang berjaya pula adalah sebanyak 2107 buah yang melibatkan keanggotaan seramai 3 260 271 orang dengan jumlah saham sebanyak RM3.9 bilion berbanding dengan bilangan koperasi tidak berjaya iaitu sebanyak 2544 buah yang melibatkan keanggotaan seramai 2 191 802 orang dengan jumlah saham sebanyak RM2.8 bilion.

Mengikut laporan berdasarkan akaun yang teraudit sehingga penghujung tahun 2003, hanya 3668 buah koperasi yang mencatatkan keuntungan manakala 842 buah koperasi mencatatkan kerugian<sup>1</sup> Ahli koperasi seluruh dunia dianggarkan melebihi angka 800 juta orang. Angka angka ini menunjukkan betapa besarnya peranan koperasi umumnya baik di serata dunia mahupun di Negara kita sekarang.

Di Indonesia sahaja terdapat 132,000 koperasi berdaftar dengan jumlah keahlian 30 juta orang ahli ; menurut wawancara kita dengan Bapak Adi Sarsono bekas Menteri Koperasi Indonesia baru-baru ini. Di Malaysia sector koperasi adalah sector ekonomi ketiga terbesar yang menyumbang dalam perkembangan ekonomi Negara. Keupayaan kewangan yang sebegitu besar kalau di dimanfaatkan dengan baik dan saksama tentu akan menghasilkan pulangan keuntungan dan faedah kemasyarakatan yang besar kepada rakyat dan penduduk serantau . Di sinilah kita melihat potensi dan kemungkinan pberkembangannya ekonomi berasaskan kepada konsep Koperasi Islam Serantau pada masa-masa yang akan datang.

**Fokas Kajian**

Kertas ini akan memperincikan beberapa indakor atau index yang menunjukkan keyaaan sesuatu koperasi dari sudut pandangan ilmuan koperasi dan pengurusan, di samping petanda konsep tadbir Urus yang baik, pengagihan peranan antara Ahli Lembaga dan Pengurus, Cadangan membangun Koperasi Syariah atau Islam Serantau dan beberapa strategi pemarkasaan Koperasi Muslimin yang dapat diaplikasikan kepada koperasi Islam yang lain di rantau ini.

**Beberapa Indikator Koop Islam yang berjaya**

Ada empat elemen pertimbangan atau matlamat yang menjadi kayu ukur untuk menilai keberkesanan sesebuah koperasi iaitu :

- Perhubungan dengan ahli sebagai pemilik  
(*Linkage to member owners*)

Koperasi perlu jelas tentang siapa yang perlu diberi per-khidmatan (masa sekarang dan akan datang), apa keperluan yang ingin mereka peroleh melalui koperasi dan menetapkan cara bagaimana laporan disampaikan kepada anggota mengenai pencapaian di dalam memenuhi keperluan-keperluan tersebut.

- Dasar-dasar (*Policies*)  
Dasar-dasar yang diwujudkan hendaklah dengan jelas menentukan hala tuju koperasi. Keputusan-keputusan dibuat oleh ALK hendaklah dinyatakan sebagai satu suara; suata Lembaga.
- Jaminan pencapaian (*Assurance of performance*)  
Sistem pemantauan dengan jadual dan peraturannya yang lengkap perlu diwujudkan bagi memastikan keputusan dan dasar yang ditetapkan dilaksanakan dengan tepat.
- Jaminan kesinambungan organisasi (*Assurance of perpetuity*)  
Perlu ada keselamatan atau keteguhan sumber kewangan, kesinambungan pengurusan (yang kompeten) serta kesinambungan kepimpinan (dengan memastikan calon-calon pengganti yang berkelayakan dan dasar-dasar yang menyeluruh diwujudkan).

Pencapaian matlamat-matlamat tersebut di atas sangat bergantung kepada tadbir urus di dalam koperasi yang dijalankan oleh pentadbir. Tadbir urus yang berkesan dan berjaya diasaskan kepada pertimbangan yang objektif, semasa dan viable. Manakala tadbir urus yang buruk adalah berdasarkan pertimbangan yang adhoc, asal ada dan sambil lewa.

### **Sistem Tadbir Urus Baik**

Sistem Tadbir Urus Baik (TUB) koperasi menentukan tanggungjawab tiga pihak berikut :

Pertama : Anggota sebagai pemilik koperasi dan mereka berjumpa dalam mesyuarat agung meluluskan perkara-perkara pokok kepentingan bersama dan merekalah pelanggan koperasi.

Kedua : Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang dipilih secara demokrasi bagi mentadbir dan membuat keputusan dalam koperasi. Umpamanya ALK NACF Korea berhujah sehingga ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang kesan WTO terhadap keluaran hasil tani anggota mereka.

Ketiga : Pengurusan, orang yang digajikan untuk melaksanakan segala keputusan mengikut bidang profesion masing-masing. Umpamanya yang mengurus, pakar dalam urusan pengurusan dan perundangan, manakala akauntan mahir dalam penyediaan akaun dan lain-lain lagi.

Ketiga-tiga pihak ini mesti faham tugas dan tanggungjawab masing-masing. Mereka hendaklah sentiasa bekerjasama bersama-sama antara satu dengan yang lain. Malah, falsafah koperasi juga menentukan ada kerjasama antara koperasi dengan koperasi. Budayanya, 'bagai aur dengan tebing' bukan 'bagai enau di dalam belukar'.<sup>2</sup>

Manakala kaedah pengukuran tahap tadbir urus dalam koperasi sangat vital menjadi pegangan para pengurus koperasi. Soal menentukan tanda aras (benchmarking)

dalam koperasi pada masa itu bukanlah sesuatu yang baru. Koperasi yang berhasrat untuk kekal dalam pasaran perlu meletakkan diri mereka setara, walaupun tidak lebih ke hadapan daripada pesaing-pesaing khususnya daripada syarikat-syarikat swasta.

Petunjuk-petunjuk berikut bolehlah dijadikan garis panduan :

- Tahap kesedaran Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota mengenai prinsip koperasi serta nilai-nilai asas dalam falsafah koperasi.
- Tahap kefahaman ALK dan anggota mengenai elemen moral dan etika yang merupakan komponen penting dalam keseluruhan falsafah koperasi.
- Kefahaman tentang perbezaan di antara perusahaan atau perniagaan koperasi dan swasta serta awam.
- Kesedaran ALK tentang hak dan tanggungjawab mereka.
- Sejauh mana ALK sedar bahawa mereka bertanggungjawab dan terpaksa berhadapan dengan anggota-anggota yang melantik mereka.
- Setakat mana kuasa-kuasa mengurus diperturunkan kepada kakitangan pengurusan.
- Sama ada kod etika disediakan dan diterimapakai di semua peringkat dalam organisasi dan gabungannya.
- Tahap ketelusan dalam urusan dengan pelanggan dan kakitangan.
- Kelancaran saluran komunikasi antara koperasi dengan anggota-anggota, pelanggan-pelanggan dan rakan urusniaganya.
- Kewujudan satu disiplin berkaitan penggunaan aset-aset dalam organisasi.
- Kekekapan bermesyuarat berdasarkan kehendak undang-undang dan peraturan.
- Kepatuhan kepada kerajaan tanpa menjejaskan otonomi dan kebebasan bertindak sebagai koperasi.<sup>3</sup>

### **Pengagihan Peranan**

Dalam konteks pengagihan peranan antara ALK dengan pihak pengurus koperasi pada hemat saya amalan yang dibudayakan dalam ANGKASA bolehlah dipertimbangkan. Koperasi Muslimin dan koperasi Islam yang lain tidak harus enggan meniru dan mengikut bentuk dan stail pengurusan yang terbukti berjaya meningkatkan kualiti pengurusan mereka. Pengagihan kuasa yang jelas dapat mengelakkan krisis dan konflik yang tidak perlu . Pengagihan seperti di bawah ini mungkin wajar diikuti :

### **Kuasa ALK semata-mata :**

- Menentukan objektif, dasar dan matlamat koperasi.
- Komitmen kewangan jangka panjang termasuk sumber dan jenis pembiayaan.
- Perlantikan dan pemantau tugas-tugas Pengurus dan kakitangan.
- Pengisian kekosongan ALK.
- Perubahan asas dalam struktur kewangan.
- Kelulusan rancangan dan komitmen penting/utama.
- Perkara-perkara yang memerlukan kelulusan anggota.
- Pemilihan bank, Juruaudit Luar, Peguam, syarikat insurans dan lain-lain entiti berkaitan, tertakluk kepada persetujuan Mesyuarat Agung.
- Menentukan skim perkhidmatan pekerja.

### **Kuasa Pengurus :**

- Menentukan objektif, matlamat dan dasar operasi atau engurusan.
- Komitmen sumber jangka pendek. I Penyediaan bajet, pelan pengeluaran, pemasaran dan lain-lain untuk kelulusan ALK.
- Mencadangkan perlantikan dan mengatur pembahagian tugas-tugas kakitangan bawahan.
- Pentadbiran skim perkhidmatan kakitangan.

Pembahagian-pembahagian di atas tidaklah bersifat mutlak. Koperasi-koperasi mempunyai Undang-Undang Kecil masing-masing yang hendaklah pada setiap masa menjadi garis panduan utama dalam pengurusan di samping berpegang kepada empat komponen tunjang dalam tadbir urus, iaitu kebertanggungjawaban (accountability), ketelusan (transparency), kebolehjangkaan (predictability) dan penyertaan (participation).<sup>4</sup>

### **Faktor Pemerksaan**

Idea untuk memperkasa koperasi serantau tentulah memerlukan pengamatan yang mendalam , merangkun segenap faktor dan persekitaran yang mempengaruhi perkembangan sesuatu koperasi. Dalam konteks ini penulis sebagai individu yang berhadapan dengan kekangan pengalaman, dan maklumat hanya dapat menampilkan persepsi dan idea berdasarkan pengalaman dalam menerajui Koperasi Muslimin Malaysia. . Dari pengalaman dan pengamatan yang bersifat local dan khusus ini mungkin boleh dikembangkan pada peringkat serantau atau malah global dengan pengubahsuain di mana perlu.

Dalam hubungan memperkasa jihad eknomi melalui koop Muslimin kami pernah mencadangkan langkah-langkah berikut . Iaitu agar ahli dan para pemimpin koperasi:

- 1) Meningkatkan keilmuan tentang isu ekonomi semasa, ilmu ekonomi Islam dan kejernihan batin.
- 2) Mengukuhkan hubungan koperasi dengan kewajipan berdakwah dan berjihad khasnya dengan Badan Dakwah dan Gerakan Islam .
- 3) Meningkatkan bilangan ahli dan kadar sumbangan mereka kepada Pertubuhan Sukarela berkenaan, Tabung Abrar dan lain-lain.
- 4) Melariskan produk-produk koperasi Muslimin untuk menjana keuntungan
- 5) Mengembangkan pengaruh serta mengharumkan nama Koperasi Muslimin
- 6) Meningkatkan usaha untuk meujudkan cawangan koperasi di daerah-daerah baru.
- 7) Menjalinkan kesepakatan pintar dengan saingan atau institusi kewangan Islam yang lain di dalam dan di luar Negara..

### **Piawai Pengukuran Prestasi Koperasi**

Matlamat koperasi umumnya ialah untuk memastikan koperasi berjaya sebagai sebuah entity perniagaan. Koperasi yang berjaya juga mahu memaksimumkan manfaat kepada anggota selain dari dapat memenuhi dengan berkesan kehendak dan keperluan khalayak

para anggotanya. Namun dalam konteks penilaian pencapaiannya kita memerlukan kayu ukur yang tertentu . Sekurang-kurangnya ada tiga aspek penting untuk menilai prestasi koperasi.:

- a) Kedudukan kewangan
- b) Manfaat kepada anggota
- c) Kualiti perkhidmatan dan unsur-unsur kemanusiaan yang positif

Penilaian kewangan melibatkan kepada persoalan kecairan, untung bersih, pulangan atas aset (ROA), perolehan seanggota, dan pulangan atas ekuiti(ROE)

Pulangan Atas Aset - (RAO)

$$\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jumlah Aset}} \times 100 = \dots\dots\%$$

+ Menunjukkan peratusan untung yang dihasilkan bagi setiap ringgit aset koperasi yang di gunakan

Pulangan Atas Ekuiti (ROE)
----------------------------

<u>Untung Bersih</u>	<b>X 100</b>	= .....%
_Kumpulan Wang Anggota		

- + Mengukur Kadar Pulangan atas pelaburan anggota dalam koperasi
- + Nisbah yang tinggi bermakna koperasi telah menguruskan modal sumbangan anggota dengan cekap untuk menjana keuntungan

Perolehan Seanggota
---------------------

<u>Untung Bersih</u>	<b>X 100</b>	= .....%
Jumlah Enggota		

- + Pulangan yang diperolehi oleh setiap anggota daripada untung bersih Yang dijana oleh koperasi

## NISBAH TUNAI BERBANDING ASET

Tunai dan Setara tunai \_\_\_\_\_

= .....%

Jumlah Aset Semasa

+Mencerminkan berapakah jumlah tunai dan aset setara tunai (simpanan tetap) sebenar yang dimiliki dibandingkan dengan jumlah aset semasa

+ Nisbah ini penting kerana tunai memberi kesan ke atas operasi koperasi

Konsortium Koperasi United Kingdom mencadangkan sepuluh indikator petunjuk ekonomi dan sosial untuk mengukur prestasi koperasi secara menyeluruh dengan mengambil kira tujuh prinsip koperasi yang lumrah. Dari sepuluh indicator tersebut kita perturunkan 8 sahaja yang sesuai dengan perkembangan koperasi kita di rantau ini.

Iaitu :

- 1) Penglibatan anggota dalam aktiviti ekonomi
- 2) Amalan demokratik semua anggota
- 3) Penglibatan pekerja dan ahli dalam latihan dan pendidikan
- 4) Kadar kemalangan pekerja dan kadar ponteng kerja
- 5) Profil pekerja jantung dan kaum
- 6) Kepuasan ahli
- 7) Peka kepada isu etika dalam perolehan dan keputusan pelaburan
- 8) Pelaburan dalam komunitidan inisiatif koperasi.<sup>5</sup>

### **Strategi Memperkasa Koperasi Syariah atau Islam Serantau**

Memandangkan bilangan koperasi syariah , Islam atau Muslimin di, Malaysia, Thailand, Brunei , Singapura dan Indonesia khasnya begitu banyak maka sudah sampai masanya kita membentuk koperasi Peringkat Atas atau ( Tertiary –Level Co-Operative) yang keanggotaannya terdiri dari kalangan koperasi Menengah dan Asas yang mewakili kepentingan koperasi-koperasi yang bergabung dengannya. Koperasi ini akan menjadi Apex Organization bagi seluruh koperasi syariah dan koperasi Islam rantau Asia. Ini standing dengan peranan yang dimainkan di Malaysia oleh Badan seperti ANGKASA dan CUM.

### **Tujuan Penubuhan**

Koperasi Islam Serantau perlu ditubuhkan untuk memainkan fungsi berikut:

1. Memperkasa kehadiran koperasi yang menjalankan operasi kegiatannya berdasarkan konsep dan kaedah mu'amalat syar'iyah di rantau ini.
2. Mengujudkan Badan Induk Koperasi Syariah yang menyelaras dan memudahkan pengurusan kewangan secara yang terkini.
3. Meningkatkan keupayaan informasi teknologi koperasi Islam serantau
4. Meningkatkan keupayaan pelaburan dan urus niaga ala koperat yang menguntungkan koperasi Islam
5. Merintis prasarana ke arah melahirkan koperasi Islam se dunia yang dapat mengukuhkan paradigma ekonomi Islam sebagai ekonomi alternative kepada ekonomi capitalist.

### **Isu Perundangan**

Suatu permasalahan yang mungkin dihadapi oleh koperasi ini ialah ketiadaan peruntukan undang-undang mengenainya. Hal ini mungkin dpat diatasi dengan dikeluarkan undang-undang khas mengenainya oleh pihak kerajaan. Dalam kaadaan terdapat halangan di Malaysia maka ia boleh ditubuhkan di luar negara yang menyetujui keujudan koperasi Induk Islam seperti ini; samada di Indonesia, Berunai atau Singapura.

### **Isu Sekretariat**

Sekretariat koperasi Islam Serantau boleh diadakan di Negara di mana ia mempunyai keabsahan hukum atau undang-undang. Walau bagaimanapun dengan kehadiran pengurusan secara maya maka masalah di mana terletaknya secretariat sudah semakin mudah di atasi. Ini bergantung kepada keputusan presiden koperasi yang akan dilantik nanti.

### **Persoalan yang berkaitan Dengan dana**

Dana koperasi terbit dari pembayaran wang keahlian dari setiap koperasi Islam atau syariah yang bersetuju untuk menjadi ahlinya pada setiap tahun . Wang terkumpul dari pembayaran berkenaan di tambah dengan bantuan kewangan kerajaan atau mana mana pihak akan menjadi wang yang menggerakkan koperasi ini pada peringkat permulaan.Pada peringkat yang lebih lanjut pelaburan , perniagaan dan apa jua hasil transaksi mal akan menjadi sumber kewangan koperasi ini.

Selain daripada pembentukan koperasi induk maka usaha untuk memperkasa koperasi Muslimin juga berkaitan dengan tajuk di atas. Dalam kesempatan ini kita huraikan beberapa strategi yang berkaitan dengan koperasi Muslimin Malaysia Berhad.

### **Strategi Memperkasa Koperasi Muslimin**

Koperasi Muslimin diasaskan pada tahun 1981 dan mempunyai matlamat seperti berikut :

- Untuk mempraktikkan amalan dan nilai Islam melalui perniagaan koperasi
- Bagi memenuhi keperluan anggota

- Membangunkan ekonomi dengan tujuan untuk mendapatkan pulangan dan pertumbuhan aset melalui penggembelangan modal secara kolektif yang dilabur dan diperniagakan dibawah koperasi

Visi koperasi ialah :”**Untuk menjadi Koperasi Islam Nasional terunggul yang memiliki aset , pelaburan, untung dan dividen yang disegani serta struktur, sistem, pengurusan dan perkhidmatan yang cekap yang dapat memenuhi kehendak serta keperluan dari segi ekonomi, tarbiah dan kebajikan dikalangan anggota-anggota.**”

Manakala misi koperasi ini ialah : “**Untuk menjalankan Muamalah bersama ahli dan pihak-pihak lain secara berkoperasi dibawah Akta Koperatif bagi membantu ahli menjadi Insan Kamil Bertaqwa yang menjalani Hidup Yang Baik (Haiyah Taibah/Good Life) melalui program Tarbiah, Kemudahan Khairat dan Kegiatan Ekonomi yang berlandaskan hukum Syarak**”

Objektiv koperasi beredar sekitar:

- Mencapai Keuntungan yang tinggi
- Memiliki Aset tanah, bangunan dan lain-lain pelaburan yang banyak
- Mempunyai Ahli yang ramai
- Menyediakan perkhidmatan yang memuaskan
- Mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk ahli

Pihak pengurus mensasarkan menjelang tahun 2010 nanti sasaran berikut:

- Dividen 10%
- Jumlah Aset RM 100.0 juta
- Pendapatan RM 8.0 juta
- Untung RM 3.0 juta
- Pembiayaan RM 65.5 juta
- Hartanah RM 10.0 juta
- Pelaburan RM 10.0 juta
- Deposit RM 47.0 juta
- Modal Saham RM 25.0 juta

Koperasi Muslimin memang mempunyai peluang masa depan yang cerah seandainya dapat diusahakan bentuk dan strategi tindakan yang betul. Peluang koperasi ini untuk berkembang dapat dilihat dari beberapa faktor:

- Kesedaran dikalangan penduduk untuk bermuamalat cara Islam tanpa Riba
- Sebahagian besar dari lebih 12 juta umat masih belum menjadi ahli
- Kenaikan kadar faedah oleh bank-bank perdagangan
- Kakitangan Kerajaan yang mempunyai kemudahan potongan gaji melalui BPA
- Sokongan dan hasrat Kerajaan unyk menjadikan sektor koperasi sebagai enjin pertumbuhan nombor tiga negara
- Pasaran kewangan runcit/pengguna negara yang masih rendah kurang 30% berbanding Korea dan Jerman melebihi 50%

Untuk melonjakkan prestasi koperasi Muslimin kami mencadang pelaksanaan 12 strategi berikut:

### **1. Memperbaiki Perkhidmatan Pelanggan**

#### **Pelan Tindakan:**

- Melantik Kakitangan sepenuh masa di kaunter
- Menyediakan Piagam Pelanggan dan Perjanjian Tahap Perkhidmatan
- Mendapatkan Pensijilan ISO
- Memasang CCTV
- Memberikan latihan perkhidmatan pelanggan bagi kakitangan kaunter dan telefonis
- Menyediakan maklumat mengenai sekim dan perkhidmatan di skrin komputer
- Menyediakan Peti Cadangan dan buku aduan
- Menjalankan bancian kepuasan pelanggan

### **2. Menstruktur semula Sumber Dana**

#### **Pelan Tindakan:**

- Tentukan had Modal Saham Dibenar dan Dibayar
- Mendapatkan dana dari JPK
- Wujudkan Dana Penebusan Saham
- Sediakan kemudahan untuk pemindahan saham kepada Simpanan
- Securitisation aset Pembiayaan
- Dapatkan 'standby line' dari institusi kewangan bagi menampung kekurangan dana.

### **3. Menggembeling secara agresif bagi menambah Simpanan Anggota**

#### **Pelan Tindakan:**

- Lancar Kempen menambah Caruman
- Bayar Keuntungan kompetitif atas Simpanan
- Kempen tambah Anggota
- Deposit dan bayaran pendahuluan bagi sekim-sekim diletakkan sebagai Simpanan
- Kajisemula sistem untuk mempercepat dan memudahkan Pengeluaran
- Wujudkan produk khusus(dedicated) dengan ciri-ciri istimewa
- Beri insentif kepada Penyimpan seperti ganjaran (umrah atau lain-lain) bagi penyimpan terbesar, perlindungan takaful, hadiah sampingan

### **4. Mengukuhkan Pembiayaan sebagai Perniagaan Teras Koperasi**

#### **Pelan Tindakan :**

- Sediakan sasaran bagi Unit, Kakitangan individu, Negeri dan Daerah
- Pemantauan berterusan melalui laporan, perbincangan, mesyuarat dll
- Tingkatkan kapasiti IT untuk mengeluarkan laporan dan analisa berkaitan dengan cepat
- Wujudkan Pembiayaan Peribadi bagi memenuhi kehendak anggota
- Perkenalkan Pembiayaan Murabahah eg Mercutronik

- Perkenalkan pembiayaan bercagar penuh bagi anggota luar bandar membina rumah asas diatas tanah pertanian eg MSN, Prihatin
- Tambahkan produk untuk dipromosi berdasarkan komisen eg Acer, Modenas, handphone
- Kumpulkan syarat-syarat pembiayaan untuk diselaraskan
- Kajisemula syarat dan terma kemudahan pembiayaan supaya lebih kompetitif berbanding bank perdagangan
- Semak Carta Aliran untuk memudahkan permohonan dan pengeluaran
- Semak borang dan dokumen berkaitan untuk memudahkan permohonan
- Sediakan Piagam Pelanggan dan Perjanjian Tahap Perkhidmatan
- Sediakan Senaraisemakan bagi permohonan, Prosesan, kelulusan, pengeluaran, pentadbiran, semakan kredit, bayaranbalik dan proses pungutan
- Beri latihan kepada semua kakitangan tentang kemudahan dan syarat-syarat pembiayaan
- Beri taklimat kepada jawatankuasa daerah dan negeri
- Perluas, mudah dan percepatkan proses kelulusan
- Tambahkan kuasa penandatanganan cek
- Perbaiki sistem fail dengan lebih efisien, gunakan sistem imaging
- Wujudkan Kumpulan Pemasaran yang agresif dan produktif

**5. Mempelbagaikan Pelaburan dan Instrumen berpulangan tinggi**  
**Pelan Tindakan:**

- Optimumkan pulangan keatas wang tunai dengan meletakkan lebihan kedalam akaun pelaburan jangka pendek
- Pelbagaikan portfolio kedalam Saham Amanah, Terbitan Saham, Bond Islam dan Kertas Perdagangan berpendapatan Tetap
- Menggunakan baki Tabung-tabung Musyarakah untuk Pelaburan
- T.Pelancongan kedalam MTTM secara perkongsian Untung
- T.Teksi untuk menguruskan 20 permit yang baru diperolehi
- T.Stesen Minyak – mengenalpasti lokasi strategik
- Sediakan Garispanduan untuk Pelaburan

**6. Memiliki Hartanah berpotensi nilai tinggi ditempat Strategik**  
**Pelan Tindakan:**

- Miliki ruang pejabat dari menyewa
- Mengenalpasti dan membeli hartanah ditempat strategik dengan penyewa sediada
- Pohon tanah (pertanian dll) dari Kerajaan Negeri
- Bangunkan tanah di Lokasi tertentu (di K.S.) untuk meningkatkan nilai
- Wujudkan bank tanah dengan membeli tanah murah dari penjual yang memerlukan wang atau yang dilelong
- Manfaatkan baki Tabung Musyarakah Hartanah RM5juta
- Dapatkan dana dari JPK

- Sediakan Garispanduan Pemilikan Hartanah

## **7. Meningkatkan Kutipan Hutang dan Kawalan Kredit**

### **Pelan Tindakan:**

- Senaraikan akaun mengikut kakitangan bertanggungjawab
- Tentukan sasaran bagi unit dan setiap kakitangan
- Kesemua kakitangan membantu dengan membuat panggilan/SMS
- Laporkan tindakan dan hasil kutipansepanjang masa
- Ambil kakitangan tambahan secara sementara
- Beri insentif kepada pemungut yang berjaya
- Menyemak dan membetulkan data-data pembayaran dan penyata anggota

## **8. Mengawal Kos dan berjimat cermat**

### **Pelan Tindakan:**

- Pinda Undang Kecil untuk menyelaraskan Mesyuarat Daerah dan Negeri sebagai Kawasan
- Masukkan sasaran pembiayaan, pelaburan dan kutipan hutang sebagai agenda mesyuarat daerah negeri dll
- Amalkan jimat cermat dan berhemat dalam berbelanja
- Jimatkan penggunaan letrik, air, pendingin udara
- Kerja lima hari seminggu

## **9. Memastikan Pulangan optimum keatas aset (8%)**

### **Pelan Tindakan:**

- Penglibatan semua peringkat semasa penyediaan bajet
- Tentukan sasaran bagi semua unit, kakitangan, negeri dll
- Memantau prestasi berbanding bajet secara berterusan dan digunakan sebagai asas penilaian
- Kesemua kelulusan, pembelian dan pembayaran dibuat berasaskan kesediaan bajet
- Kemaskini senarai Had Kuasa Melulus
- Semak Senarai Penandatanganan Cek
- Sediakan Garispanduan Polisi dan Prosedur Kawalan Risiko
- Sediakan Scorecard/KPI bagi semua unit dan kakitangan
- Berikan Kuasa dan Tanggungjawab kepada Pengurusan
- Gunapakai Prinsip-prinsip Tataurusan Korporat

## **10. Membangunkan Kemahiran dan Kompetensi Kakitangan**

### **Pelan Tindakan:**

- Lakukan Pusingan Kerja untuk menambah pengalaman
- Berikan latihan kepada semua kakitangan berkenaan operasi, sekim dll
- Latihan Perkhidmatan Pelanggan kepada kakitangan

- Latihan Motivasi untuk Kakitangan
- Latihan Kawalan Risiko
- Latihan dan kemahiran Pembiayaan Projek
- Latihan Finacial Analysis, Management, Legal, Muamalah, Personalialia, Hutang dll
- Latihan Prinsip Koperasi dan Pungutan Hutang
- Sediakan Kemajuan Kerjaya untuk kakitangan
- Beri Kuasa dan Tanggungjawab kepada Pengurusan
- Semak Sistem Penilaian Kakitangan berdasarkan Prestasi

#### 11. Meningkatkan Kapasiti IT

Pelan Tindakan:

- Melakukan semakan dan pembersihan data
- Membuat imaging system

#### 12. Memperkemaskan Polisi, Prosedur dan Kawalan Risiko

Pelan Tindakan:

- Lakukan ‘Gap Analysis’ diantara peruntukan Akta, Peraturan, Undang-undang Kecil, Pekeliling JPK, Keputusan ALK dan EXCO dengan amalan semasa Koperasi.
- Buat pembetulan atau dapatkan pengesahan keatas ‘exceptions’ dari analisa
- Sediakan Garispanduan Risiko, Polisi dan Prosedur bagi Pembiayaan, Pelaburan dan Pemilikan Hartanah
- Wujudkan Muraqib Syarie
- Sediakan Had Kuasa Melulus dan Menyemak
- Sediakan Terma Rujukan bagi Jawatankuasa-jawatankuasa
- Mempraktikkan prinsip asas Corporate Governance
- Wujudkan Jawatankuasa Pengurusan beserta terma

Selain dari strategi di atas koperasi Muslimin juga boleh mempelbagai kegiatan umpamanya dengan melibatkan diri dengan Program Dinar Mas dan Perak

#### **Melibatkan diri dengan Program Dinar Mas dan Perak**

Koperasi-koperasi yang berminat dan berkemampuan boleh ikut serta sebagai Wakala yang akan bersama-sama memperluaskan penggunaan Dinar Emas di samping meraih keuntungan yang bersih dari riba’.

Koperasi-koperasi yang menyertai program ini mampu menggalakkan anggota-anggotanya untuk menyimpan atau menabung dalam bentuk emas. Program ini juga boleh dijadikan suatu peluang perniagaan yang menguntungkan di mana ia boleh menambahnilai kepada produk-produk koperasi yang sedia ada. Sebagai contohnya,

koperasi yang ada menyediakan perkhidmatan Ar-Rahnu boleh menerima Dinar Emas sebagai cagaran untuk pinjaman kepada anggota-anggotanya.

Pinjaman untuk membeli Dinar Emas boleh dijadikan produk baru khususnya bagi koperasi-koperasi kredit. Anggota-anggota juga boleh menggunakan pinjaman mereka bagi tujuan pelaburan IHI. Koperasi tersebut akan menikmati sekurang-kurangnya dua pulangan dalam satu masa. Pulangan pertama ialah keuntungan daripada pinjaman yang diberi kepada anggota dan pulangan kedua ialah komisen daripada jualan Dinar Emas kepada anggota-anggota ataupun orang ramai. Selain daripada itu, koperasi berkenaan juga akan menikmati pulangan sehingga 11 peratus setahun daripada deposit pelaburan mereka.

Para warga koperasi diseru agar bersama-sama dalam jihad untuk memartabatkan Dinar Emas sebagai mata wang pilihan dunia dan sekali gus membangunkan semula ekonomi umat Islam, bahkan juga ekonomi dunia kerana kita yakin bahawa apa yang diperkenalkan oleh Islam itu adalah terbaik untuk semua.<sup>6</sup>

## Penutup

Apa yang telah dibentangkan diatas adalah sekelumit idea dari sekian banyak yang mungkin dapat dicerakinkan dalam rangka memperkasa kehadiran dan peranan koperasi Islam serantau. Kita yakin perjalanan yang jauh dimulakan dengan selangkah perjalanan ke hadapan. Kejayaan bermula dengan idea dan perancangan yang diikuti oleh pelaksanaan yang jitu dan tepat terhadap saranannya.

Semoga simposium yang bersejarah ini akan menghasilkan sesuatu yang sangat bersejarah dan bermakna bagi penduduk Islam dan bukan Islam di rantau ini. Allah Maha Besar, Allah Maha Besar.

AGS

---

<sup>1</sup>Mohamed Khaled Nordin, Dato' "Fakta Terkini Tentang koperasi," dalam Majalah Online Angkasa".  
<http://www.angkasa.coop/pelancar/index.php?p=may016>

<sup>2</sup> Hajah Rahaiah Baheran "Penghayatan dan Amalan" dalam Majalah Online Angkasa,  
<http://www.angkasa.coop/pelancar/Arkib/jan06/>

<sup>3</sup> Nasir Khan Yahya, "Mengukur Kejayaan Koperasi" Ibid :  
<http://www.angkasa.coop/pelancar/Arkib/jan06/january004.htm>

<sup>4</sup> Ibid

<sup>5</sup> Roziah Bte Mohd Nor ,Dr. Prof Madya "Indikator Prestasi Koperasi"Kertas Kerja yang dibentang dlm Seminar Kebangsaan Pengukuran Prestasi Koperasi Kuching, 13-14 Sept.2005, hal: 4

<sup>6</sup> Prof. Madya Haji Mohamad Ali Hasan "Dinar Emas dan Qirad Untuk Warga Koperasi " ibid :  
<http://www.angkasa.coop/pelancar/Arkib/jan06/january002.htm>